



Rujukan Kami : UTM.J.17.03.03.03/10.12/22 (34)
Tarikh : 8 Mei 2024

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 2/2024

Semua Pelajar Asasi dan Diploma, UTMSPACE UTM Johor Bahru

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

URUSAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER 2 SESI 2023/2024 BAGI PELAJAR DIPLOMA DAN CUTI SEMESTER DISEMBER SESI 2023/2024 BAGI PELAJAR ASASI

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 2 Sesi 2023/2024 bagi pelajar Diploma akan bermula pada **12 Mei 2024 hingga 27 Julai 2024**, manakala bagi pelajar Asasi Semester Disember Sesi 2023/2024 akan bermula pada **5 Mei 2024 – 16 Mei 2024**.

1.0 Pengosongan Bilik, Kebersihan Bilik dan Keselamatan Hartabenda Persendirian

- 1.1 Memastikan kebersihan bilik kediaman masing-masing.
- 1.2 Menyusun dan mengemas perabot-perabot sedia ada.
- 1.3 Memastikan semua suis yang terdapat di dalam bilik dimatikan.
- 1.4 Mengunci tingkap dan pintu bilik masing-masing.
- 1.5 **Caj denda sebanyak RM25.00 dan pembersihan serta ganti rugi** mengikut caj semasa akan dikenakan bagi sebarang kerosakan/kehilangan perabot atau peralatan disebabkan kecuaian pelajar sendiri dan caj pembersihan akan dikenakan sekiranya pelajar gagal membersihkan bilik dan meninggalkan sampah di dalam bilik.

2.0 Pemulangan Kunci Bilik

- 2.1 Pelajar Asasi yang masih aktif tidak perlu memulangkan kunci bilik sepanjang cuti kerana caj penginapan bagi pelajar Asasi telah dikira termasuk cuti akhir Semester Disember. Manakala, pelajar Asasi telah tamat pengajian hendaklah memulangkan kunci bilik di pejabat kolej pada masa yang ditetapkan.
- 2.2 Tarikh akhir pemulangan kunci bagi pelajar Asasi yang telah tamat dan pelajar Diploma adalah seperti berikut:

| Kategori Pelajar | Tarikh Akhir Pemulangan Kunci | Catatan |
|---|---|---|
| Pelajar Asasi yang akan tamat pengajian | 16 Mei 2023 sebelum jam 3.30 petang | Caj RM8.00/hari akan dikenakan bermula 17 Mei 2024 sehingga kunci dipulangkan. |
| Pelajar Diploma | 12 Mei 2023 sebelum jam 5.00 petang | Caj RM8.00/hari akan dikenakan bermula 13 Mei 2024 sehingga kunci dipulangkan. |

- 2.3 Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Daftar Keluar Bilik** serta menandatangani **Buku Pemulangan Kunci** di pejabat kolej.
- 2.4 Pelajar yang memulangkan kunci selepas waktu bekerja perlu memulangkan kunci melalui **"Key Drop Box"** yang disediakan oleh pihak kolej. Pelajar-pelajar yang akan menggunakan **"Key Drop Box"** perlu memastikan perkara berikut:
- a) Mengisi borang perakuan mengosongkan bilik.
 - b) Memastikan bilik telah dikunci.
 - c) Memasukkan kunci bersama Borang Perakuan Mengosongkan Bilik ke dalam **"Key Drop Box"**.
- 2.5 Pelajar yang gagal memulangkan kunci akan didenda dan perlu **membayar sewa mengikut jenis bilik sehingga kunci dipulangkan**.
- 2.6 **Kehilangan/kerosakan kunci bilik** akan dikenakan **penalti sebanyak RM25.00 hingga RM50.00** atau bergantung kepada harga asal kunci tersebut.
- 2.7 Denda dengan jumlah mengikut tahap kerosakan perabot/peralatan akan dikenakan sekiranya terdapat perabot/peralatan yang rosak/hilang disebabkan kecuaian pelajar. Ini termasuk menampal/menconteng atau sebagainya pada perabot.

3.0 Penyewaan Semasa Cuti bagi Pelajar Diploma

- 3.1 Pelajar Diploma tidak dibenarkan menyewa bilik untuk tujuan penyimpanan barang di dalam bilik.
- 3.2 Pelajar Diploma yang berkeperluan dibenarkan menyewa bilik dengan bayaran sebanyak RM8.00/orang/hari bermula **13 Mei 2024 hingga 27 Julai 2024** (76 hari). Penetapan bilik sewaan akan ditentukan oleh pihak kolej.
- 3.3 Pelajar Diploma dan Asasi yang telah tamat pengajian **tidak dibenarkan** menyewa bilik.
- 3.4 Semua pelajar tidak dibenarkan menyimpan barang di dalam bilik/ bilik pelajar lain. Bagi pelajar yang menyimpan barang di dalam bilik pelajar lain akan dikenakan caj denda sebanyak RM25.00 dan caj sewaan bilik sepanjang cuti semester.
- 3.5 Staf kolej akan membuat semakan bilik sepanjang cuti. Pelajar yang didapati membuat kesalahan akan dikenakan caj dendaan sebagaimana terkandung dalam Peraturan dan Tatatertib Kolej 1990/1991 Universiti Teknologi Malaysia.

4.0 Penyimpanan Barang di Dalam Stor Semasa Cuti

- 4.1 **Tiada Caj** dikenakan untuk penyimpanan barang di stor yang telah ditetapkan namun pelajar **digalakkan membawa pulang** semua barang milik peribadi. Jadual pembukaan stor boleh dirujuk di pejabat kolej.
- 4.2 Pelajar diingatkan untuk membawa pulang semua buku, dokumen, peralatan penting, sijil-sijil, keputusan peperiksaan, barang peribadi yang bernilai dan sebagainya. Segala kerosakan atau kehilangan barang yang disimpan di stor adalah menjadi tanggungjawab pelajar.
- 4.3 Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan untuk segala barang yang disimpan dalam stor penyimpanan barang.
- 4.4 Stor tidak dibuka sepanjang cuti dan pelajar hanya dibenarkan mengambil barang pada tarikh yang ditetapkan sahaja. Stor akan dibuka untuk tujuan pengambilan barang bermula 28 Julai 2024.
- 4.5 Pelajar yang telah tamat pengajian **tidak dibenarkan** menyimpan barang di dalam stor.

5.0 Tarikh Pengambilan Kunci Pelajar Diploma bagi Semester 1 Sesi 2024/2025

- 5.1 Tarikh pengambilan kunci bagi semester 1 sesi 2023/2024 adalah seperti berikut:

| Tarikh | Masa | Catatan |
|--------------------------|---|---|
| 27 Julai 2024 (Sabtu) | 9.00 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 4.30 petang | Bayaran secara tuntutan kepada UTMSPACE |

- 5.2 Penetapan kolej dan bilik semester ini akan **dimaklumkan kemudian**. Sila berada di dalam **group Telegram Pelajar Space UTM Kolej 9&10** untuk sebarang penyampaian maklumat.

6.0 Hal-Hal Lain

- 6.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 6.2 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- 6.3 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID

Ketua Unit Residen
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
UTM Johor Bahru

- s.k - Pengarah Seksyen Perkhidmatan
- Pengetua Kolej 9&10
- Pengarah UTMSPACE